

08 MAY 1996

Mahathir-bandar

TINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI BUMIPUTERA DI BANDAR

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Peningkatan taraf sosio-ekonomi Bumiputera di bandar akan membawa masyarakat ke arah hidup makmur, aman dan sejahtera, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini boleh dilakukan melalui pelbagai program seperti memperbaiki kedudukan ekonomi penjaja dan peniaga, perumahan, pencapaian pendidikan anak-anak dan pembentukan mutu akhlak remaja, kata beliau.

"Matlamat ini boleh dicapai jika semua pihak sedar akan tanggungjawab mereka dalam konteks hidup bermasyarakat," katanya dalam kata-kata aluan buku cenderamata sempena pelancaran Yayasan WangsaMaju.

Dr Mahathir dijadual melancarkan penubuhan yayasan itu yang bertujuan meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk Wangsa Maju di sini Jumaat ini.

Sempena pelancaran itu, beliau juga akan merasmikan Projek Rangkaian Komputer Multimedia Sekolah-sekolah Wangsa Maju (Wangsanet) yang dihubungkan dengan Internet.

Pengerusi lembaga pemegang amanah yayasan itu, Datuk Dr Kamal Salih berkata selain mempertingkatkan taraf pendidikan, yayasan itu juga mempunyai matlamat menggerakkan ekonomi serta meningkatkan kemantapan sosial masyarakat.

Proses pemandaran orang Melayu dijangka terus meningkat dan mereka bersama kaum yang lain perlu menangani pelbagai cabaran mendatang, kata beliau yang juga Anggota Parlimen Wangsa Maju. -- Bernama

AZZ AHH